

Seramai 90 peserta sertai latihan pengembangan pertanian hidroponik

Sumbangan Asniar Salim
(Pegawai Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan UPMKB)

SERAMAI 90 peserta terdiri daripada penduduk Kampung Badong, Daro dan Kampung Semop di Pulau Bruit menyertai latihan pengembangan pertanian tanaman hidroponik sempena Program 'Outreach' Pendidikan Tinggi di Daro.

Programanuran Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Daro, Mukah itu diadakan dalam dua sesi.

Sesi pertama melibatkan seramai 38 peserta dari Kampung Badong, Daro dan sesi kedua untuk 52 peserta Kampung Semop merangkumi pelbagai kaum, umur dan taraf pendidikan.

Peserta merupakan penduduk berminat dalam tanaman hidroponik secara sara hidup di rumah atau ingin mengusahakan tanaman hidroponik dalam skala besar.

Penyelaras program merangkap fasilitator projek, Sudirman Asmadi berkata latihan itu merupakan serampang dua mata dalam meningkatkan kesedaran pelajar melanjutkan pengajian ke universiti dan memberi kefahaman masyarakat peranan universiti melalui aktiviti pengembangan pertanian



PENYEDIAAN TAPAK: Pelajar UPMKB membantu menyediakan tapak sistem hidroponik.



TUNJUK KAEDAH: Sudirman menunjuk kaedah tanaman dan penyediaan tapak sistem hidroponik.

tanaman hidroponik.

Beliau berkata, kaedah latihan tanaman hidroponik adalah melalui perkongsian kemahiran dan pengalaman dengan mengajar secara teknikal dari mula penyediaan tapak hingga proses tanaman dan penuaian.

"Untuk peserta peringkat luar bandar seperti kawasan kampung ini, kami mengajar kaedah membina infrastruktur sistem hidroponik sara hidup atau skala kecil," katanya.

Menurutnya, peralatan disediakan juga boleh didapati di sekitar kedai kawasan kampung atau bandar berhampiran.

Pada masa sama, Ketua Kaum Kampung Badong Haslimi Hassan berkata pihaknya mengalu-alukan latihan tanaman hidroponik



LATIHAN: Peserta menyertai latihan dalam kumpulan dalam penyediaan tapak semalan dan tugas-tugas lain.



KONGSI: Peserta ditunjuk ajar cara membuat keropok lekor.



UJI: Haslimi mencuba teknik semalan dalam span.

seumpamanya menjadi pengalaman baharu bagi penduduk kampung terutamanya mengenali sistem hidroponik.

"Kita berterima kasih atas pemilihan kampung ini pada program seumpamanya dengan harapan diteruskan pada masa akan datang," jelasnya.

Menurutnya, penyertaan peserta terdiri pelbagai kategori pekerjaan iaitu petani, guru, pegawai awam, usahawan, pelajar sekolah menengah serta pelbagai kaum antaranya Melanau, Melayu dan Iban.

Sementara bagi Ketua Kaum Kampung Semop, Kamri Haron berkata beliau gembira melihat pelaksanaan program latihan diadakan dengan jayanya di Kampung Semop.

Turut diadakan demonstrasi pembuatan keropok lekor oleh pelajar-pelajar UPMKB diketuai Pegawai Tadbir Kolej Sri Rajang, UPMKB, Rosidah Basir.



RAKAM: Peserta Kampung Semop merakam kenangan.



PESERTA: Penduduk Kampung Badong, Daro merupakan peserta pada program tersebut.